

Kes dah selesai

Metro 10/5/12 MS 9.

■ Wanita dera bayi tahun lalu ■ Dipenjara 18 bulan

KUALA LUMPUR: Seorang wanita yang mendera dan memperlakukan bayi perempuannya seperti haiwan dan perbuatan itu dirakam sebelum dimuat naik ke laman web You Tube di Internet, semalam sebenarnya menerima hukuman setimpal.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisio-ner Arjunaidi Mohamed berkata, biarpun rakaman itu baru dimuat naik ke Internet, semalam, kejadian itu sebenarnya berlaku setahun lalu dan kes berkenaan juga sudah dianggap selesai.

“Kes berkenaan dilaporkan pada 29 Mei tahun lalu dan tangkapan dibuat pada hari sama. Wanita terbabit iaitu ibu kepada bayi perempuan berusia 10 bulan itu juga dihadapkan ke mahkamah selepas disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

“Selepas dibicarakan, wanita berusia 20-an itu di- hukum penjara 18 bulan atas kesalahannya dan dia kini menjalani hukuman,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Menurutnya, wanita ter- babit warga Indonesia, namun memegang taraf penduduk



KEJAM...sebahagian rakaman video yang memaparkan kekejaman wanita memukul bayinya.

tetap negara ini dan kejadian itu berlaku di rumah yang dihuni wanita terbabit di Petaling Jaya.

Penyebaran rakaman video berdurasi empat minit dan 19 saat itu, semalam meng- undang rasa marah di ka- langan pengguna Internet dan pejabat Harian Metro

menerima panggilan telefon selain puluhan e-mel, me- minta siasatan terhadap ke- jadian itu dilakukan.

Malah, di dalam laman fa- cebook Polis Diraja Malaysia (PDRM), hampir 300 aduan dan komen daripada orang ramai yang menggesa sia- satan dilakukan atau mahu-

kan penjelasan mengenai apa sebenarnya berlaku.

Video berkenaan mema- parkan ibu yang dipanggil dengan nama 'Ira' oleh pe- rakam video, memukul bayi perempuannya dengan ban- tal berpuluh-puluh kali se- lain menamparnya berulang kali tanpa belas kasihan.

Malah, bayi malang itu yang meniarap di atas tilam dan sesekali cuba merang- kak ditendang, dicubit di muka dan paha serta di- tunjal kepalanya.

Pemerhatian ke atas raka- man video itu mendapati ia dipercayai dirakam wanita lain yang hanya melihat pe- lakuan si pelaku tanpa menghalang tindakan kejam ibu bayi berkenaan.

Bagaimanapun, tidak dike- tahui mengapa wanita itu sanggup memukul anaknya sendiri dan polis ketika di- ajukan soalan itu hanya memberitahu ia disebabkan ibu berkenaan ada masalah peribadi.

Sementara itu, Ketua Pe- ngawal Kawal Selia dan Pe- ngawasan Suruhanjaya Ko- munikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Datuk Jailani Johari, ketika dihu- bungi memberitahu, pihak- nya tidak menerima laporan berhubung perkara itu dan menyiasat tujuan video itu disebarkan di Internet.